

CNS2037

U GB 30-03 00161 BB081

AAB

Mahathir - Kaifu

KUALA LUMPUR, 30 (Bernama) -- Malaysia akan berusaha meyakinkan Jepun mengenai cadangan penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) semasa lawatan Perdana Menteri, Toshiki Kaifu, ke negara ini hujung April ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri juga berkata bahawa kerajaan akan menggunakan peluang daripada lawatan itu untuk memberi penjelasan lanjut kepada Jepun agar ia menyertai EAEG.

Malaysia tetap akan meneruskan usahanya mengajak negara-negara lain menyertai kumpulan itu walaupun menyedari bahawa Amerika Syarikat menentang penubuhannya, katanya pada persidangan akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO di sini.

Presiden UMNO itu berkata setakat ini Jepun tidak menolak cadangan itu. Cuma mereka belum membuat keputusan sama ada mahu menyertai kumpulan berkenaan.

Tambahnya, sebelum lawatan Encik Kaifu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, akan melawat Jepun untuk berbincang dengan rakan sejawatannya dan juga Menteri Luar negara tersebut mengenai perkara itu. -- Lagi

♥30/03/20-22MST

CNS2040

U GB 30-03 00179 BB083

AAB

Mahathir - Kaifu 2 Kuala Lumpur

Beliau sekali lagi menegaskan bahawa kumpulan itu bukan merupakan suatu blok perdagangan dan ia tidak akan menidakkan peranan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan ASEAN.

Apabila ditanya mengenai kempen Amerika Syarikat untuk memujuk negara-negara lain, termasuk Jepun dan Indonesia, supaya memboikot usaha Malaysia itu, Perdana Menteri berkata Malaysia tidak akan membuat apa-apa untuk menyekat usaha Amerika Syarikat itu selain terus memberi penerangan kepada negara-negara berkenaan.

+Indonesia sebenarnya bersetuju. Saya sudah bercakap dengan Presiden Suharto dan beliau berpendapat eloklah perkara itu dibincang secara terperinci oleh para pegawai. Beliau tidak tolak (cadangan itu),+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau tidak hairan mengapa Amerika Syarikat bersikap sedemikian, kerana, menurutnya, negara berkenaan sememangnya tidak mengemari +orang lain menubuhkan sebuah badan yang tidak disertai oleh Amerika Syarikat+.

Katanya, cadangan penubuhan EAEG bertujuan membolehkan negara-negara anggotanya berkumpul dan bermesyuarat untuk menghasilkan pendirian yang sama dalam rundingan Pusingan Uruguay, rundingan-rundingan Perjanjian Am Mengenai Tarif dan Perdagangan (GATT) serta rundingan lain yang berkaitan dengan perdagangan antarabangsa.

Pada awal mesyuarat itu, para pegawai Unit Perancangan Ekonomi (EPU) yang diketuai oleh Ketua Pengarahnya, Datuk Mohd Sheriff Mohd Kassim, memberi taklimat selama sejam mengenai laporan Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) berhubung Dasar Ekonomi selepas 1990 kepada MT UMNO.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata MT sekadar mahu mendapatkan penjelasan mengenai laporan tersebut dan tidak membuat apa-apa keputusan mengenainya.

Datuk Seri Dr Mahathir bersama-sama Timbalannya, Encik Ghafar Baba, serta anggota-anggota MT berbuka puasa di Ibu Pejabat UMNO.

Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali hadir sama. -- Bernama

♥30/03/20-43MST